

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungkaitan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini diukur dengan melihat persepsi pelajar tingkatan empat terhadap Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) yang meliputi aspek tanggapan pelajar dan perasaan pelajar terhadap penilaian tersebut. Kajian juga bertujuan untuk melihat hubungan persepsi pelajar terhadap Penilaian PAFA dengan beberapa variabel seperti pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah, pekerjaan bapa atau penjaga, persepsi terhadap peranan guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian 'The Statistical Package For Sosial Science' (SPSS). Sampel kajian ini terdiri daripada 60 orang pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan Perak. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pelajar perempuan dan 30 orang pelajar lelaki. Hasilan kajian ini mendapat:-

1. Kebanyakan pelajar menganggap bahawa PAFA adalah penting iaitu sebanyak 90 %.
2. Sebahagian besar pelajar mendapati PAFA perlu untuk meningkatkan penghayatan perkara asas dalam Pendidikan Islam (80 %).
3. Para pelajar juga menganggap bahawa PAFA:-
 - a. Membantu mereka mendapatkan gred yang baik dalam PMR iaitu 60 %.
 - b. Dapat membantu pelajar memahami dan mengamalkan apa yang terkandung dalam PAFA.
 - c. Menunjukkan bahawa amalan ibadat sehari-hari dapat membantu pelajar menjawab ujian PAFA dengan baik.
4. Hampir keseluruhan pelajar (80 %) bersetuju bahawa PAFA boleh mendisiplin dan membentuk akhlak mereka.
5. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR.
6. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar terhadap PAFA dengan variabel lain seperti pekerjaan bapa atau penjaga, persepsi terhadap peranan guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan persepsi pelajar terhadap peranan ibu bapa.

**THE CONNECTION BETWEEN ' PENILAIAN PERKARA ASAS FARDU
AIN' (PAFA) AND STUDENTS' PERFORMANCE IN THE
' PENILAIAN MENENGAH RENDAH ' (PMR)**

ABSTRACT

The purpose of this study is to look the connection between ' Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ' (PAFA) and students' performance in the 'Penilaian Menengah Rendah ' (PMR). This is measured by looking at the Form Four's students' perception of PAFA whereby it takes into account students' assumption and understanding of PAFA. This study is also to look at students' perception of PAFA in connection with several variables such as their performances in Pendidikan Islam in PMR, the fathers' or guardians' occupations, their perception of the Pendidikan Islam's teachers' roles and the students' perception of their parents' roles. The method used is research and the data collected is obtained through the usage of questionnaires. The data obtained was analysed with the ' The Statistical Package For Social Science ' (SPSS) software. The study sample consists of 60 students : 30 females and 30 males from Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz. The result indicates :-

1. 90 % of the students see PAFA as being important.
2. 80 % of the students feel PAFA is necessary in highlighting the basic principles inherent in Pendidikan Islam.
3. Students also assume that PAFA : -
 - a. Helps them in obtaining better grades in PMR that is 60 % of them.
 - b. Helps them in understanding and practising the religious teaching and rituals in PAFA.
 - c. Shows that religious practises on daily basis help them so excell in PAFA tests.
4. 80 % of the agreed that PAFA may mouldy them into disiplined and morally upright individuals.
5. Study also indicates students' performance in PAFA has no significant connection on their performance in Pendidikan Islam in PMR.
6. Studies also indicates that there is no significant connection between students' perception of PAFA in conjunction with other variables such as father's or guardian's occupation, perception towards Pendidikan Islam teacher's role and students' perception of parents' role.